

Masalah Judi dan Loteri

Saya telah membaca akhbar *Strait Times* yang bertarikh

16.1.60 di dalam suatu ruangan, saya dapati Tuan

Abdullah Yasin memberi fatwa, katanya : “Wang loteri

itu tidaklah menjadi haram di sisi agama jika

dipergunakan kepada kebajikan”.

Dengan ini, saya ingin membawa sidang pembaca

mengikuti fikiran saya yang bersumber dari dua

jurusan, satu *al-Qur’ān* , dan satu dari pengalaman dan

fikiran.

Al-Qur’ān, surah al-Baqarah ayat 219

Ertinya, “Mereka akan bertanya kepada engkau (Muhammad)

tentang arak dan judi, katakanlah, maka keduanya itu

ialah dosa besar, dan ada satu juga faedahnya bagi

manusia, dan dosa keduanya lebih besar daripada faedahnya.”

Oleh kerana tajuk soal ini ialah loteri, maka

eloklah saya terangkan tentang perkara yang bersangkutan dengan

itu sahaja.

Di dalam *al-Qur’ān* , kita dapati cuma menerangkan tentang

judi sahaja, dan tidak ada membicarakan wangnya

loteri itu halal atau haram, dan juga *al-Qur’ān*

mengakui memang ada faedahnya judi itu bagi manusia,

tetapi dosa atau balasan, atau akibatnya lebih besar

merbahayanya daripada faedah atau kebaikannya.

Adapun loteri itu ialah satu daripada judi,

kerana yang dikatakan judi itu ialah yang diperlawankan

dengan pertaruhan, jadi kesimpulannya dari *al-Qur’ān*

ialah melarang manusia dari mengerjakan segala rupa

judi.

Pengalaman dan Fikiran

A. Di segi akhlak, harta benda dan masyarakat,

sangatlah buruknya judi ini, iaitu banyak orang-orang yang

menjadi papa dan melarat serta berperang di dalam rumah

tangga, oleh akibat berjudi, ini dengan terang boleh

dipersaksikan.

Sudah terbit! Penggal Keempat

‘Umar ibn al-Khaṭṭāb

Riwayat Hidup

Khalifah Islam yang Kebilangan

Empat penggal tamat.

Sepenggal \$1.20 *post* 10 sen.

Mintalah kepada penerbitnya :

Qalam

356/8 Geylang Road, Singapura, 14

B. Pada segi masa, sangatlah ruginya bagi orang-orang bermain judi kerana mereka bermain sampai berjam-jam, dan ada pula sampai berhari-harian kalaulah mereka itu menang, tetapi jikalau mereka gunakan masa yang seperti itu kepada satu perusahaan, atau bagi orang-orang yang berpangkat besar, iaitu untuk masa berfikir kepada kebaikan bangsa dan masyarakat, berapakah besar faedahnya? Ini yang dapat memikirkannya ialah bagi orang-orang yang mempunyai fikiran.

Saya percaya, sudah tentu ada pula orang yang akan berkata, loteri itu tidaklah seperti judi yang saya sebutkan ini, maka saya ingin pula supaya tuan-tuan itu cuba menyamarkan diri dan bergaul dengan orang-orang yang telah betul-betul mabukkan loteri, lihatlah mereka itu sanggup membeli tiket loteri itu beringgit-ringgit malahan ada yang masuk puluhan dan ratusan, dan ada pula ekornya loteri itu sampai dikatakan tikam ekor.

Bukankah baik kiranya wang itu dijadikan wang simpanan, atau dijadikan modal bagi menambah sara hidup, atau bagi orang-orang yang mempunyai banyak wang, boleh digunakan bagi membuat kebajikan masyarakat yang secara halal? Dan bagi orang-orang ini, lebih besar angan-angan dan khayalan untuk kemewahan diri sendiri, daripada memikirkan kemajuan dan kebaikan untuk diri dan masyarakatnya.

Oleh itu saya berseru kepada pihak yang berkuasa, di negara yang telah merasmikan agama Islam, dan kepada yang suka memajukan dan meninggikan akhlak dan masyarakat rakyatnya. Ambillah tindakan yang tegas untuk mengharamkan loteri dan segala rupa judi, kerana loteri itu



Anggota-anggota Ikhwan bergambar untuk kenangan kerana memberi selamat berpisah kepada saudara-saudara Rahimi al-Haj (Ikhwan: 2933) dari Kelantan yang akan berlepas ke Mesir untuk melanjutkan pelajarannya atas perbelanjaan sendiri.

Dari kanan: Abdul Rahman bin Safakir (Pahang), Rahimi al-Haj (Kelantan – yang diraikan), Ismail bin Min (Pahang) dan Husain Zabidi (Pahang). Kiriman Ahmad Abdul Kadir Madrasah al-Khayriyyah.

judi, dan judi itu merosakkan akhlak, maka bukanlah membincangkan wang loteri itu halal atau haram, dan ini bukanlah untuk kepentingan umat Islam sahaja, bahkan untuk seluruh umat yang ingin kepada kebaikan akhlak.

Maka kebaikan akhlak itulah yang boleh membaiki masyarakat, dan masyarakat yang baik itulah yang dapat memajukan dan menjamin keamanan tanah air dan negara, dan sia-sialah pertolongan yang diberi dengan wang loteri itu, kerana bantuannya sedikit, tetapi banyak merosakkan akhlak masyarakat, dan apakah gunanya membantu orang yang sudah rosak akhlaknya, bolehkah orang-orang ini memperbaiki masyarakatnya?

Yasin Said.